

Ruj.Kami : ANM.PK.KPP.600-3/1(17)  
Tarikh : 10 Ogos 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan

**PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN SECOND VALIDATION PEMBAYARAN EMOLUMEN PEGAWAI AWAM PERSEKUTUAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sebagaimana Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan sedia maklum, bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) akan melaksanakan semakan tambahan (*second validation*) bermula dengan pembayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan mengikut bank secara berperingkat, Inisiatif ini adalah tujuan untuk mengukuhkan akautabiliti dan intergriti proses pembayaran Kerajaan dan memastikan pembayaran disalurkan kepada penerima yang sebenar.

3. Sehubungan dengan itu, bank Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan adalah dipilih untuk pelaksanaan semakan tambahan bayaran emolumen Pegawai Awam Persekutuan bagi Fasa Dua (i) yang akan dilaksanakan bermula **September 2023**. Bersama –sama ini dikemukakan surat Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) Pembayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan rujukan JANM.BKP.600-14/1/8 Jld.10(14) bertarikh 31 Julai 2023 dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 1 Tahun 2023 untuk makluman Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan.

4. Segala kerjasama Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Tuan / Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT KHIDMAT PENGURUSAN PELANGGAN  
JANM NEGERI PERAK  
10 OGOS 2023**